



PUAS HATI... pegawai PTD gembira melihat sijil tamat latihan yang diterima.

PTD mesti bantu kerajaan

KUALA LUMPUR: Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) perlu membantu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Perusahaan Utama menayakan strategi pemasaran hasil pengeluaran negara.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata hubungan antara negara kini tidak lagi memusatkan perhatian kepada perkara berkaitan protokol, politik dan keselamatan sahaja.

Sebaliknya, katanya, bidangnya semakin luas terutamanya dalam meningkatkan peluang ekonomi dan perdagangan.

"Halangan dalam diplomasi antara negara pada masa depan tidak berkisar pada ideologi dan fahaman politik berbeza.

"Sekatan perdagangan serta pengaliran modal, sama ada secara langsung atau tidak, akan menentukan taraf atau nilai perhubungan antara negara," katanya dalam ucapan di majlis penutup Kursus Diplomatik bagi pegawai PTD, di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Pengarah, Unit Penyelidikan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Halim Abdul Raof.

Seramai 16 pegawai PTD yang mengikuti lati-

han empat bulan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara di sini, menerima sijil tamat latihan daripada Abdul Halim.

Ahmad Sarji berkata, pegawai PTD yang ditugaskan ke luar negara perlu mencari peluang baru perdagangan yang masih belum diteroka negara.

Katanya, andaian bahawa pasaran kita hanya di negara maju tidak tepat kerana negara membangun juga mempunyai potensi besar.

"Pucuk pimpinan negara turut menekankan negara seperti Amerika Latin, Afrika Selatan, Asia Tengah, Asia Barat dan

Kepulauan Pasifik berpotensi untuk dijadikan pasaran perdagangan.

"Pegawai PTD perlu sensitif dan peka kepada dasar baru kerajaan kerana pengeksport di negara ini tidak berupaya menjelajah seluruh dunia bagi mencari pasaran," katanya.

Ahmad Sarji juga berkata, pegawai PTD juga perlu mempertahankan dasar, luar negara terutamanya mengenai hak asasi manusia dan alam sekitar yang sering digunakan oleh negara maju untuk menyekat perkembangan ekonomi negara Dunia Ketiga melalui sekatan perdagangan dan pelaburan.